

# SYARAT DAN PERATURAN LATIHAN INDUSTRI

## Pengenalan

Syarat dan Peraturan Latihan Industri ini dikeluarkan kepada pihak Majikan sebagai maklumat untuk mengendalikan pelajar-pelajar Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) yang menjalani latihan industri di organisasi masing-masing. Syarat dan Peraturan Latihan Industri ini juga berperanan sebagai panduan kepada pelajar dalam menjalani latihan industri di organisasi yang ditetapkan.

Syarat ini sah digunapakai terhadap pelajar KUIPSAS yang menjalani latihan industri dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak KUIPSAS dan dipersetujui oleh Majikan.

## Definisi Latihan Industri

Latihan industri merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di luar ataupun di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.

## Objektif

Di antara objektif program latihan industri adalah untuk:

- mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar;
- mendedahkan pelajar kepada teknologi terkini dan juga pengetahuan yang terbaru di pasaran;
- mendedahkan pelajar kepada amalan spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing;
- mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran (terutamanya kemahiran insaniah) dan pengalaman pelajar dengan organisasi;
- melahirkan graduan yang berkemampuan;
- mempertingkatkan peluang pekerjaan; dan
- merapatkan jaringan antara pihak KUIPSAS dengan industri.

## Objektif Kursus

Di antara objektif khusus program latihan industri ialah memberi peluang kepada pelajar untuk:

- memahami tanggungjawab alam pekerjaan yang sebenar;
- mendapat pengalaman praktikal yang sesuai dengan bidang pengkhususan masing-masing;
- mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran akademik dalam alam pekerjaan yang sebenar;
- menghayati nilai etika profesional;
- mengasah kemahiran insaniah yang sesuai dengan persekitaran pekerjaan;

- meningkatkan kemahiran berkomunikasi;
- menilai kebolehan bekerja, pengetahuan dan keyakinan diri pelajar;
- mempertingkatkan kebolehpasaran pelajar supaya lebih berdaya saing;
- menyemai, memupuk dan seterusnya membangun ciri-ciri keusahawanan melalui pendedahan kepada realiti dan peluang kerjaya; dan
- mendapat kenalan profesional dan jalinan dengan industri.

## Hasil Pembelajaran

Selepas tamat tempoh program latihan industri, pelajar dapat:

- mengaplikasikan teori dan pengetahuan akademik yang dipelajari ditempat kerja di bawah penyeliaan;
- mempertingkatkan kompetensi, daya saing dan sikap berdikari dalam bidang pengkhususan masing-masing;
- melahirkan idea dan pandangan yang positif terhadap amalan pengurusan yang efektif dan relevan di organisasi;
- menghubungkan pengalaman di tempat kerja dengan ilmu yang dipelajari di KUIPSAS;
- menambahbaik kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan; serta
- menimba pengalaman dan pengetahuan yang boleh dimanfaatkan untuk memilih pekerjaan yang sesuai selepas tamat pengajian kelak.

## Skop Latihan Industri

Persetujuan antara pihak KUIPSAS dengan hos organisasi (organisasi yang menerima pelajar untuk latihan industri) adalah perlu untuk menentukan tugas spesifik pelajar yang menjalani latihan industri yang berkaitan. Skop tugas harus memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta mendapat pendedahan amalan kerja dalam bidang pengkhususan masing-masing.

## Taklimat Latihan Industri

Taklimat latihan industri bagi program pengajian di KUIPSAS adalah sebanyak 2 kali iaitu yang pertama adalah kepada pelajar semester 4 pada minggu ke-15 semester pengajian. Taklimat ini lebih kepada pengenalan tentang latihan industri dan keperluan mencari penempatan latihan industri serta pengagihan Buku Panduan Latihan Industri KUIPSAS.

Manakala, taklimat kedua akan diadakan pada minggu ke-15 semester pengajian kepada pelajar semester 5. Taklimat akhir ini berkaitan dengan keperluan dokumen, bayaran yuran, tugas, tanggungjawab dan peraturan sepanjang menjalani latihan industri serta pengagihan Buku Log.

## Tempoh Latihan Industri

Tempoh latihan industri bagi program pengajian di KUIPSAS adalah selama 16 - 20 minggu (4 - 5 bulan). Tarikh mula dan tamat adalah bergantung kepada takwim akademik KUIPSAS.

# Syarat Menjalani Latihan Industri

Syarat utama untuk layak menjalani latihan industri adalah pelajar mestilah telah mengambil sekurang-kurangnya 70 jam kredit dalam program pengajian yang diikuti di KUIPSAS mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh MQA. Pelajar juga tidak dibenarkan mengulang subjek semasa latihan industri.

Berikut merupakan kod latihan industri bagi setiap diploma yang telah ditetapkan oleh setiap jabatan.

KOD LI	PERKARA	DIPLOMA	WAJIB/PILIHAN
API2084	Latihan Industri	Diploma Pengajian Islam Pengkhususan Bahasa Arab dan Tamadun Islam	PILIHAN
API2084	Latihan Industri	Diploma Bahasa Arab Komunikasi	PILIHAN
AML2984	Latihan Industri	Diploma Pengurusan Muamalat	PILIHAN
API2074	Latihan Industri	Diploma Pengajian Islam Pengkhususan Dakwah dan Pengurusan	PILIHAN
API2084	Latihan Industri	Diploma Pengajian Quran dan Sunnah	WAJIB
AAK2218	Praktikum	Diploma Pendidikan Awal Islam Kanak-Kanak	WAJIB
AKI2153	Internship	Diploma Kaunseling Islam	WAJIB
API2084	Latihan Industri	Diploma Pengajian Media Islam	PILIHAN
PA2044	Praktikal Lapangan	Diploma Perakaunan	WAJIB
PP2044	Praktikal Lapangan	Diploma Pengajian Perniagaan	WAJIB
LI3024	Latihan Industri	Diploma Pengurusan Pemasaran	WAJIB
LI3024	Latihan Industri	Diploma Pengurusan Kewangan Islam	WAJIB
PK2044	Praktikal Lapangan	Diploma Kewangan dan Perbankan	WAJIB
TM2998	Latihan Amali/ Industri	Diploma Pembangunan Perisian (Internet dan Multimedia)	WAJIB
TR2998	Latihan Industri	Diploma Teknologi Maklumat dan Rangkaian	PILIHAN
IEC3026	Latihan Industri	Diploma In English	WAJIB

## Penempatan Latihan Industri

- Pelajar perlu mencari penempatan latihan industri sejak cuti semester bermula.
- Pelajar mesti menjalani latihan industri di organisasi yang disahkan dan memenuhi kriteria serta syarat yang telah ditetapkan oleh Unit Latihan Industri KUIPSAS.
- Organisasi yang dipilih untuk menjalani latihan industri perlu selari dengan bidang pengkhususan yang berkaitan dengan pengajian pelajar.
- Pelajar mesti berusaha untuk bersama dengan institusi masing-masing bagi mencari penempatan latihan industri berdasarkan bidang pengkhususan yang berkaitan dengan pengajian dengan menggunakan borang yang disediakan.
- Senarai tempat organisasi latihan industri mesti disyorkan oleh Unit Latihan Industri KUIPSAS.
- Pihak KUIPSAS akan menyelaras semua urusan penempatan latihan industri.

- Penempatan latihan industri boleh melibatkan sama ada sektor swasta atau sektor awam berdasarkan kesesuaian bidang pengkhususan pelajar.
- Pelajar tidak dibenarkan menukar tempat dan tarikh latihan industri melainkan mendapatkan kelulusan daripada Unit Latihan Industri KUIPSAS dan persetujuan daripada majikan/organisasi yang berkaitan.
- Permohonan penangguhan hendaklah dibuat secara bertulis kepada KUIPSAS melalui jabatan/sekolah/fakulti.

## Peranan Dan Tanggungjawab

### Majikan Organisasi

Organisasi bertanggungjawab untuk:

- menyediakan garis panduan pembelajaran/tugasan sepanjang tempoh latihan industri;
- melantik penyelia untuk pelajar mengikut kelayakan;
- menempatkan pelajar di jabatan/unit/seksyen yang sesuai;
- memastikan skop tugas pelajar adalah lebih berfokuskan kepada bidang pengkhususan pelajar;
- memastikan skop/beban tugas pelajar adalah lebih berfokuskan kepada proses pembelajaran;
- memantau kemajuan pelajar dan memberi tunjuk ajar dan maklum balas yang sesuai secara dinamik;
- menilai pelajar secara objektif di sepanjang tempoh program latihan industri sesuai dengan skop tugas dan pengkhususan pelajar;
- memberi maklum balas kepada penyelia KUIPSAS; dan
- memaklumkan kepada KUIPSAS sekiranya berlaku sebarang kes tatatertib atau salah laku pelajar.
- memaklumkan kepada KUIPSAS sekiranya berlaku sesuatu kecederaan terhadap pelajar dan mestilah bertanggungjawab untuk membawa pelajar tersebut untuk menjalani rawatan.

### Penyelia Organisasi

Penyelia organisasi bertanggungjawab untuk

- menyelia tugas pelajar dan memberi maklum balas secara dinamik kepada pelajar;
- memberi tunjuk ajar, bantuan dan panduan kepada pelajar sepanjang tempoh menjalani latihan industri; dan
- menilai prestasi kerja/kemampuan dan motivasi pelajar di sepanjang tempoh latihan industri.
- melengkapkan borang penilaian penyelia majikan (**ADA-UPJ-001-QR06-01/02**) dan menyerahkan kepada pensyarah ketika sesi pemantauan.
- bersedia dan memberi maklum balas kepada pensyarah ketika sesi pemantauan dilakukan.

### Pelajar

Sebelum Latihan Industri

- Menghadiri taklimat/seminar/bengkel yang dianjurkan oleh Unit Latihan Industri KUIPSAS.
- Mendapatkan penempatan latihan industri di organisasi yang sesuai dengan pengkhususan bidang pengajian.
- Setelah memperoleh organisasi yang bersesuaian, pelajar perlu mendaftar alamat dan maklumat organisasi tersebut; (**ADA-UPJ-001-QR02**).

- Bertanggungjawab untuk mendapatkan maklum balas permohonan daripada organisasi.
- Memaklumkan pemerolehan penempatan latihan industri kepada Unit Latihan Industri KUIPSAS.
- Menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan latihan industri sebelum menjalani latihan industri.

#### Semasa Latihan Industri

- Melengkapkan dan menghantar borang pengesahan melaporkan diri menjalani latihan industri pada hari pertama melaporkan diri di organisasi; **(ADA-UPJ-001-QR05)**.
- Memastikan penyelia majikan menerima borang penilaian penyelia majikan latihan industri pada hari pertama; **(ADA-UPJ-001-QR06)**.
- Mendaftar secara atas talian subjek latihan industri dengan kod subjek yang tepat pada tempoh masa yang ditetapkan.
- Menjalani latihan industri dengan bersungguh-sungguh, minat dan jujur.
- Mematuhi segala arahan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh organisasi yang menawarkan program latihan industri.
- Menjaga nama baik KUIPSAS dan hos organisasi.
- Memaklumkan kepada pihak KUIPSAS sekiranya berlaku sebarang masalah di tempat latihan industri.
- Menghubungi penyelia KUIPSAS atau penyelia organisasi sekiranya perlu.
- Menyiapkan laporan latihan industri dengan berpandukan format yang telah ditetapkan sepanjang menjalani latihan industri.
- Bersedia menerima sesi pemantauan secara bersemuka oleh penyelia pensyarah yang akan dilaksanakan dalam tempoh minggu ke-12 hingga minggu ke-16; **(ADA-UPJ-001-QR07)**.
- Pelajar perlu merekodkan segala aktiviti/tugasan dengan terperinci sepanjang tempoh menjalani latihan industri di organisasi tersebut.
- Buku log akan disemak oleh penyelia (pensyarah) semasa sesi pemantauan bersemuka dijalankan bagi memastikan latihan praktikal pelajar berjalan dengan lancar.
- Pelajar hendaklah memastikan bahawa penyelia (majikan) menandatangani dan mengecop catatan harian pelajar sebagai pengesahan kerja harian yang telah dilaksanakan oleh pelajar.

#### Selepas Latihan Industri

- Memastikan penyelia majikan melengkapkan borang penilaian penyelia majikan latihan industri.
- Menghantar borang penilaian penyelia majikan latihan industri dan laporan latihan industri kepada penyelia pensyarah dalam masa yang ditetapkan.
- Syarat lulus latihan industri, pelajar wajib menghantar laporan akhir latihan industri mengikut tempoh yang telah ditetapkan serta mengikut format penyediaan laporan yang telah ditetapkan iaitu **berjilid spiral binding** dan **kulit laporan mestilah menggunakan Art Card**.
- Menyemak keputusan dan gred latihan industri yang diperolehi.

# Tatatertib Semasa Menjalani Latihan Industri

Sepanjang menjalani tempoh latihan industri, pelajar tetap tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009), Akta IPTS 1996 (Akta 555); dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). **Pelajar juga adalah tertakluk kepada Peraturan Pelajar KUIPSAS dan Tatacara Akademik KUIPSAS.** Pelajar juga dikehendaki mematuhi peraturan berikut semasa menjalani program latihan industri;

- mematuhi masa bekerja dan segala peraturan di organisasi sama seperti kakitangan yang lain;
- tidak mengambil cuti sepanjang tempoh menjalani latihan industri kecuali dengan kelulusan organisasi berkaitan;
- menghubungi pihak organisasi dengan segera sekiranya tidak dapat hadir kerana kecemasan atau cuti sakit;
- menghubungi pihak organisasi sekiranya terpaksa sampai lewat kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan;
- tidak membocorkan rahsia atau memberi maklumat sulit organisasi kepada mana-mana pihak semasa menjalankan latihan industri ataupun sesudahnya;
- menggunakan sebarang harta kepunyaan organisasi dengan baik; dan
- sentiasa berpakaian kemas, menutup aurat dan menepati syariat Islam serta sesuai dengan keadaan dan peraturan pemakaian di tempat latihan industri.

## Cuti

- Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti sewaktu menjalani latihan industri kecuali dengan kelulusan organisasi yang berkaitan.
- Pelajar yang tidak dapat menghadiri latihan industri bagi tempoh lebih daripada enam (6) hari kerana kecemasan atau cuti sakit disifatkan sebagai tidak memenuhi syarat dan perlu mengulang program latihan industri sepenuhnya.

## Penutup

Latihan industri diwajibkan untuk semua pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi, iaitu peringkat Sijil, Diploma dan Sarjana Muda, supaya pelajar mempunyai daya saing yang lebih tinggi di pasaran pekerjaan. Dengan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh semasa menjalani latihan industri, para siswazah akan lebih bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar selepas tamat pengajian kelak.